

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1992/93

Jun 1993

EBS 101/3 - Geologi I

Masa: (3 jam)

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Sila jawab soalan 1 dan 5 soalan lain.

Kertas soalan ini mengandungi LAPAN (8) soalan semuanya.

Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Semua jawapan mesti dimulakan pada mukasurat baru.

1. Banyak maklumat boleh diperolehi daripada mineral dan batuan. Beri takrif mineral dan batuan, dan perihalkan dengan terperinci maklumat-maklumat yang boleh digarap daripada mineral dan batuan.

(25 markah)

2. Tunjukkan dengan gambarajah struktur dalaman bumi, dan perihalkan dengan jelas ciri-ciri yang penting yang terdapat pada setiap lapisannya.

(15 markah)

3. Perihalkan bagaimana anda dapat mengenalpasti pasangan mineral berikut:

- i] kaca daripada kuarza
- ii] kalsium feldspar daripada kalsium plagioklas
- iii] batuan granit daripada basalt
- iv] biotit daripada muskovit

(15 markah)

4. Bincangkan dengan jelas bagaimana ketakselajaran boleh memainkan peranan yang penting di dalam kejuruteraan awam dan perlombongan.

(15 markah)

5. Lakarkan profil tanah dan perihalkan dengan jelas setiap lapisan yang terdapat di dalam profil tersebut dan kaitkan dengan indeks luluhawa. Apakah pentingnya indeks luluhawa di dalam kejuruteraan?

(15 markah)

6. Peta geologi memaparkan banyak maklumat yang penting di dalam kegunaan kejuruteraan. Bincangkan maklumat-maklumat tersebut.

(15 markah)

7. Nyatakan dengan ringkas istilah-istilah berikut:-

- i] Prinsip uniformitarianisme
- ii] Hukum Urutan Fosil
- iii] Prinsip Hubung silang
- iv] Masa nisbi
- v] Masa mutlak

(15 markah)

8. Jika anda diminta melakukan kajian tapak yang melibatkan batuan dan tanah, apakah ciri-ciri penting yang perlu anda laporkan untuk memperlengkapkan pemerihalan anda?

(15 markah)

-oooOooo-